

Aktiviti-aktiviti yang Boleh Kita Lakukan untuk Mengisi masa lapang

Masa lapang merujuk kepada masa senggang antara dua pekerjaan. Masa lapang yang tidak diisi dengan kerja-kerja yang berfaedah akan (1 _____) seseorang. Bagi sesetengah aktiviti masa lapang, ia dapat memberi pulangan kewangan jika dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Sesungguhnya masa itu amat berharga seperti emas. Oleh itu, kita tidak harus (2 _____) masa dengan begitu sahaja. Terdapat beberapa aktiviti yang boleh kita lakukan untuk mengisi masa lapang.

Membaca adalah aktiviti yang boleh kita lakukan apabila kita mempunyai masa lapang. Aktiviti membaca banyak faedahnya kepada [kita](#). Di samping dapat menambahkan (3 _____), kita juga dapat memperbaiki (4 _____) bahasa dan menambahkan (5 _____) bahasa. Antara bahan bacaan yang sesuai dibaca pada masa lapang ialah akhbar, majalah dan buku-buku agama atau motivasi. Kegiatan membaca ini patut menjadi aktiviti dalam keluarga apabila ada masa lapang.

Menanam pokok hiasan di halaman rumah juga merupakan aktiviti masa lapang yang baik. Rumah yang dihiasi dengan tumbuh-tumbuhan akan mencantikkan lagi (6 _____) rumah tersebut. Di samping itu, udara di sekeliling rumah menjadi lebih bersih dan segar. Antara pokok hiasan yang boleh ditanam ialah pokok bunga kertas, bunga raya dan pokok puding. Sebenarnya tumbuh-tumbuhan boleh memberikan aroma yang boleh (7 _____) dan mempengaruhi kesihatan diri kita.

Di samping itu, aktiviti beriadah juga sesuai untuk mengisi masa lapang kita. Aktiviti riadah boleh kita lakukan di taman permainan atau di tepi

pantai. Aktiviti riadah juga boleh (8 _____) hubungan kekeluargaan dan memupuk nilai-nilai murni di kalangan ahli keluarga jika dilakukan bersama-sama ahli keluarga. Antara aktiviti riadah ialah berjoging, menunggang basikal dan berenang di tepi pantai. Dalam melakukan aktiviti riadah, aspek keselamatan perlu juga diutamakan.

Masa lapang kita juga boleh diisi dengan memancing [ikan](#). Di samping mengisi masa lapang, aktiviti memancing juga membolehkan seseorang mendapat ikan untuk dijadikan makanan keluarga. (9 _____), aktiviti memancing juga membolehkan seseorang mempraktikkan nilai kesabaran dalam kehidupan. Aktiviti memancing ikan boleh dilakukan di tepi pantai, tepi sungai dan di kolam. Jika dilakukan bersama keluarga, pasti hubungan kekeluargaan menjadi semakin erat.

Menziarahi keluarga dan saudara-mara juga merupakan aktiviti yang boleh kita lakukan pada masa lapang. Kehidupan masa kini yang semakin sibuk menjadikan hubungan kekeluargaan semakin (10 _____). Aktiviti menziarahi keluarga akan dapat merapatkan semula hubungan kekeluargaan. Hari yang sesuai untuk aktiviti ziarah ialah pada hujung minggu atau cuti umum. Aktiviti ziarah-menziarahi begini dapat membantu usaha kerajaan mewujudkan keluarga bahagia.

Daripada (11 _____) di atas, nyatalah bahawa terdapat banyak aktiviti yang boleh dilakukan untuk memenuhi masa lapang. Untuk mendapatkan faedah yang (12 _____), aktiviti mengisi masa lapang hendaklah dirancang dengan teliti. Tindakan pihak kerajaan memendekkan masa kerja selama lima hari seminggu (13 _____) rakyat mempunyai masa lapang yang

lebih. Pada pendapat saya, masa lapang ini perlu dimanfaatkan supaya mendapatkan (14 _____) berganda kepada diri sendiri dan negara. Selain itu, ibu bapa hendaklah (15 _____) menasihati anak-anak supaya tidak membazir masa lapang kerana orang yang membazir masa akan sentiasa kerugian.

perbe ndaha raan 1	Lazim nya 2	pema ndang an 3	meny egark an 4	penge tahua n 5
longg ar 6	meru gikan 7	perbin canga n 8	meng eratka n 9	maksi ma 10
pengu asaan 11	mena sihati 12	memb olehk an 13	memb azirka n 14	keunt ungan 15